

BIDANG KEPAKARAN

1. Pendidikan untuk Pembangunan Lestari
(*Education for Sustainable Development*)
2. Pendidikan Kelestarian
(*Sustainability Education*)
3. Kesedaran Alam Sekitar
(*Environmental Awareness*)



PROF. DR. SHARIFAH ZARINA SYED ZAKARIA
Ketua Pusat Penyelidikan SEADPRI

PROFIL

Bidang kepakaran Prof. Dr. Sharifah Zarina Syed Zakaria, adalah Pendidikan Kelestarian. Beliau telah dirujuk oleh agensi kerajaan dan antarabangsa, antaranya, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) bagi program Kepimpinan Akademik Pembinaan Tamadun; Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai pemurnian Konsep Pendidikan Alam Sekitar dan penerbitan buku teks Bahasa Jepun; Institut Penyelidikan & Latihan Bersepadu Kebangsaan (IKLIN) mengenai Kajian Hubungan Etnik; Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan mengenai program Learning For Change untuk guru-guru pelatih masyarakat orang asli; Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi mengenai amalan penghijauan dalam pembangunan kurikulum kejuruteraan; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat mengenai persediaan untuk Perhimpunan Agung UNESCO; Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi mengenai penyediaan Kertas Strategi STI-MOSTI (Sains, Teknologi & Inovasi). Beliau juga adalah ahli panel bagi program Eco-School di bawah WWF Malaysia. Di peringkat antarabangsa pula, beliau telah dijemput oleh pihak UNESCO Jakarta untuk bersama-sama merangka dan membangunkan modul 'Climate Change Education for Asia Pacific Small Island Developing States', serta menjadi tenaga pengajar bengkel ToT bagi guru-guru dari Kepulauan Asia Pasifik. Beliau juga merupakan panel bagi pembentukan Modul Pendidikan Perubahan Iklim di bawah biaya USAID- LEAF (United States Agency for International Development - Lowering Emission for Asia Forest) untuk 'Climate Change Education Curriculum for institutes of higher learning throughout Asia-Pacific'. Beliau juga pernah dijemput menyampaikan ceramah berkaitan kelestarian pendidikan di Science Council of Japan, oleh Science Council Asia. Beliau juga boleh bertutur dengan baik di dalam Bahasa Jepun kerana beliau memperolehi Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Bahasa Jepun dari Kyorin University, Jepun. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Penyelidikan bagi 16 buah projek penyelidikan, serta menjadi penyelidik bersama bagi 50 penyelidikan / perundingan, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seterusnya kepakaran beliau ini diterjemahkan semasa beliau memberi ceramah & latihan; mengendali kuliah; menyelia pelajar; merangka & membangun kurikulum; serta tugas akademik lain.